

Pegawai tiada hak persoal dasar kerajaan — Mahathir

UM 25 JUN 1990

~~UM BUTTERWORTH 24 Jun 1990~~ — Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan pegawai - pegawai kerajaan bahawa mereka tidak berhak menyoal dasar - dasar yang dicadangkan oleh kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

Beliau berkata, para pegawai kerajaan dan anggota parti politik mesti memahami garis pemisah dan hak bidang kuasa antara tugas mereka dalam usaha mentadbir negara.

"Pegawai - pegawai kerajaan tidak patut menyoal keputusan dan dasar - dasar kerajaan sama ada ia baik atau tidak, kerana rakyat yang akan menentukan prestasi pentadbiran kerajaan setiap lima tahun sekali semasa pilihanraya umum," katanya.

Semasa berucap pada majlis perjumpaan dengan pegawai - pegawai kerajaan dan pemimpin masyarakat di Sekolah menengah Dato' Onn di sini hari ini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kadang - kadang terdapat pegawai kerajaan, yang mempunyai pendirian politik yang berlainan, cuba "mensabotaj" usaha pembangunan negara.

, ' Rasa kesal

Tindakan seperti ini akan hanya menjejaskan kelicinan sistem pentadbiran kerajaan dan kesannya akan dialami oleh masyarakat, katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kemajuan yang dicapai oleh negara sejak merdeka adalah hasil daripada persefahaman yang baik mengenai bidang kuasa dan tugas - tugas antara pegawai kerajaan yang mentadbir negara dan anggota - anggota politik yang memutuskan dasar - dasar.

Lebih 500 pegawai kerajaan dan pemimpin masyarakat menghadiri majlis itu. Yang turut hadir ialah Menteri Pendidikan Encik Anwar Ibrahim, Timbalan Menteri Kesihatan Senator Mohamed Farid Ariffin dan Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Kamaruzaman Shariff.

Perdana Menteri juga melahirkan rasa kesal terhadap tindakan segolongan orang di sebuah negeri yang mengancam, mengugut dan menyoal para pegawai kerajaan yang ingin menjalankan tugas mereka.

Beliau mengingatkan pegawai kerajaan bahawa mereka tidak perlu melayan arahan golongan itu, yang tidak mempunyai jawatan atau kaitan dengan sistem pentadbiran kerajaan.

"Para pegawai yang dalam ketakutan itu, terpaksa tunduk kepada perintah orang - orang yang tidak berjawatan itu sehinggakan mereka menolak arahan daripada Perdana Menteri sendiri," kata Dato' Sri Dr. Mahathir, dan menambah kata bahawa kebebasan para pegawai berkenaan untuk mendengar hujah - hujah kerajaan telah dinafikan.